

Headline **Tengok pokok berjam-jam**

Date **19. Mar 2009**

Media Title **Kosmo**

Section **Kosmo 2**

Circulation **120000**

Readership **234000**

Language **MALAY**

Page No **18,19**

Article Size **1422** cm2

Frequency **Daily**

Color **Full Color**

AdValue **12364.82**



POKOK Hujan-hujan adalah pokok terbesar di FRIM dengan lebar ukur lilit 8.36 meter.

Headline **Tengok pokok berjam-jam**
Date **19. Mar 2009**
Media Title **Kosmo**



FRIM turut menjadi pilihan orang ramai untuk aktiviti jogging.

HALIM KHALID



ABD. LATIF (lima dari kiri) turut menjadi pelopor dalam bidang penyelidikan buluh dan penubuhan lebih daripada 45 perusahaan rotan serta buluh.



ABD. LATIF
MOHMOD

Tengok pokok berjam-jam

Pemegang ijazah perubatan, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod sanggup beralih arah ke bidang perhutanan kerana minatnya yang mendalam terhadap pokok.

Oleh SUBASHINI RAJANDRA
subashini.rajandra@kosmo.com.my

MENJELANG sambutan Earth Hour yang jatuh pada 28 Mac ini, banyak pihak mengambil inisiatif untuk memberi sumbangan dan komitmen masing-masing kepada usaha-usaha pemeliharaan Bumi. Daripada syarikat gergasi seperti YTL Corporation Berhad sehinggalah kepada organisasi luar negara seperti Shaklee Corporation, kesemuanya telah menajayakan beberapa aktiviti untuk menghidupkan Malaysia.

Melindungi hutan hujan tropika yang menjadi tulang belakang Semenanjung Malaysia bukanlah satu kerja mudah.

Tanggungjawab besar itu datang dengan pelbagai cabaran, penyelidikan dan usaha pemuliharaan yang dipikul oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Pada awal bulan lalu, para penyelidik FRIM berjaya mengondol satu pingat emas, tiga perak dan lima gangsa untuk rekaan inovasi di Ekspo Teknologi Malaysia yang ke-8. Ia adalah satu acara inovasi terbesar di Asia yang diadakan di Kuala Lumpur.

Peneraju institut tersebut, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod, 49, adalah individu yang mula-mula merekodkan secara rasmi jumlah pokok yang terdapat di kawasan itu.

"Kali pertama saya mengutarakan

persoalan tersebut kepada kira-kira 10 orang saintis dan semuanya memberi jawapan yang berbeza. Saya tidak menyalahkan mereka sepenuhnya kerana aktiviti pengiraan tidak dijalankan," ujar Abd. Latif ketika ditemui di pejabatnya di FRIM, Kepong, Selangor baru-baru ini.

"Setelah mendapat kebenaran daripada jawatankuasa FRIM, saya dan sekumpulan saintis mendapatkan 'bantuan' satelit, di samping membuat kiraan manual bagi mengenal pasti jumlah pokok secara tepat. Hari ini, saya boleh menyatakan bahawa terdapat kira-kira 15 juta pokok terpelihara di FRIM dan dibahagikan kepada 2,500 spesies yang berlainan," tambahnya.

Bukan itu sahaja, menurutnya, FRIM juga bertindak sebagai 'pelindung' kepada hampir 100 jenis pokok yang berdepan dengan pelbagai ancaman.

Sejak bertugas di FRIM pada tahun 1985 sebagai pegawai penyelidik tingkatan biasa (A20), Abd. Latif telah menghasilkan hampir 800 makalah penyelidikan yang dibentangkan di seminar dan jurnal tempatan mahupun di peringkat antarabangsa.

Beliau juga telah mereka cipta 50 mesin pemprosesan hasil hutan bukan kayu dan 12 daripadanya telah didaftarkan patennya atau hak cipta terpelihara.

Bagaimanapun, beliau sebelum ini adalah seorang pemegang Ijazah Perubatan yang berhijrah ke dunia perhutanan. Mengapa beliau memilih kerjaya perhutanan?

"Selepas saya tamat belajar dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan pada tahun 1984, profesion doktoran dan kejuruteraan menerima permintaan yang tinggi.

"Setelah berbincang dengan isteri, Halidah Kasmin, saya melibatkan diri ke dunia baru itu dan ia adalah keputusan yang tepat. Lagipun, saya sedar bahawa semakin tinggi populasi manusia di Lembah Kelang, semakin menurun kawasan hutan semula jadi. Contohnya, kampung halaman saya di Simpang Renggam, Kluang, Johor," jelasnya yang banyak menghabiskan masa di kampung pada zaman

kanak-kanak.

Abd. Latif menggunakan kaedah hipotesis dan teori bagi mendekati dan mengenali subjek (pokok). Sebagai seorang saintis, beliau sanggup menghabiskan masa berjam-jam duduk memerhatikan pokok yang mempunyai dunia tersendiri. Dengan koloni semut, anai-anai dan serangga kecil, setiap pokok yang dilihat menceritakan kisah yang menakjubkan.

"Profesor saya, Walter Liese dari Universiti Hamburg, Jerman selalu mengingatkan diri saya bahawa jangan melihat keadaan fizikal sahaja tetapi tinjau satu lagi lapisan yang tersembunyi di dalamnya," ujar Abd. Latif yang berterima kasih dengan tunjuk ajar bekas Ketua Pengarah FRIM, Datuk Seri Salleh Mohd Nor dan Datuk Razak Mohd Ali termasuk arwah ibunya, Satiyah Jalal.

Sebagai wakil pengurusan FRIM, beliau juga berjaya mendapatkan pensijilan korporat MS ISO 9001: 2000 dan mengembalikan hak milik kawasan di hadapan pintu pagar FRIM seluas lapan

ekar. Kawasan itu dahulunya diduduki oleh 32 keluarga janggan dan telah dipindahkan. Kini, FRIM mengisytiharkan kawasan tanah itu sebagai Taman Sains Rimba Negara.

"Taman ini bakal mempromosikan nama-nama pokok yang digunakan sebagai nama tempat seperti Jalan Pudu, Jalan Petaling, Melaka, Ipoh, Machang dan sebagainya, selain pokok bersejarah orang ternama di negara ini," katanya sambil menunjukkan pokok spesies Petaling.

Sementara itu, dengan 1,000 pekerja dan 210 saintis tidak termasuk saintis luar dari Amerika Syarikat (AS) dan Indonesia, beliau menyelia 200 orang graduan dari institusi pengajian tinggi setiap tahun.

"Dalam masa-masa terluang, saya juga melakukan rondaan dan pemeriksaan di sekitar FRIM. Banyak kali, saya tangkap orang membuang sampah dan baru-baru ini, ada seorang pengunjun mengcuri pokok dan menyembunyikannya di dalam toalet," kata Abd. Latif yang memperkenalkan denda sebanyak RM200 bagi kesalahan mengcuri dan mengehadkan bilangan kereta yang masuk dan keluar.

Jumlah pengunjun ke FRIM mencecah 170,000 orang setahun. Ada yang datang seawal pukul 4.30 pagi untuk berjoging dan melakukan aktiviti riadah yang lain.

Bagi Sidha Narayanan, 15, dia datang ke FRIM sebanyak dua kali dalam seminggu untuk latihan

skuash manakala Nurul Najwa Amira Mohd Tajudin, 16, kerap bersenam dengan kawan-kawan di FRIM kerana suasananya yang tenang.

Dalam pada itu, tempoh 24 tahun berkhidmat dengan FRIM menyaksikan kejayaan Abd. Latif mendapat Ijazah Sarjana Sains dan Ijazah Doktor Falsafah. Memandangkan Abd. Latif adalah pelopor dalam bidang penyelidikan buhuh dan penubuhan lebih daripada 45 perusahaan rotan serta buluh, beliau

meraih Anugerah Saintis FRIM (1995), Anugerah Saintis Muda Negara (1993), Anugerah Pencapaian Sains Antarabangsa (1995), Eisenhower Fellow dari AS (1999) dan berpuluh-puluh penghargaan tertinggi lain.

Berbalik kepada isu sumbangan terhadap pemeliharaan Bumi, Abd. Latif tidak kurang hebat menghulurkan kepakaran dalam jawatankuasa kebangsaan bagi memelihara hutan paya bakau. Ia musnah teruk akibat aktiviti manusia yang tidak terancang di pesisiran pantai barat Semenanjung Malaysia.

Di bawah payung FRIM pula, selepas sekian lama, tanah FRIM akhirnya diwartakan pada tahun lalu dengan kesungguhan yang ditunjukkan secara berterusan.

Stesen Penyelidikan Luar FRIM di Labis Kecil, Segamat dan Mukim Sungai Belimbing, Jeli, Kelantan juga ditubuhkan di bawah pengelolaannya. Stesen itu membawa pulangan kepada kerajaan

negeri dan negara dari aspek hutan ladang, pemprosesan herba dan keusahawanan berasaskan hasil hutan.

Buat masa ini, kerja-kerja merekodkan data lengkap tentang spesies pokok yang ada di FRIM dijalankan dan dikumpul dalam tiga buah edisi buku mulai tahun 2004 hingga 2020. Beliau yang suka bermain bola sepak dan membaca, turut cecal menjaga dan menimbulkan kesedaran dalam kalangan orang awam tentang kekayaan tapak FRIM.

Misalnya, memagar pokok hujan-hujan yang merupakan pokok terbesar di sini dengan kelebaran ukur lilit 25 kaki atau 8.36 meter. "Saya juga mengarahkan pengumpulan data asas tentang sesuatu pokok untuk dijadikan rujukan sehingga 100 tahun akan datang. Ini

termasuk pemerolehan pokok yang digunakan oleh Orang Asli dalam kehidupan seharian," ujar Abd. Latif yang menggambarkan FRIM sebagai zon penahan air dan hujan bagi kawasan Lembah Klang.

"Generasi baru tidak tahu apa-apa tentang pokok. Ada satu ketika, anak sulung saya, Mohd. Daniel, 23, tidak dapat membezakan ubi dengan keledek," tambahnya yang mempunyai seorang lagi anak, Muhammad Ismail, 5 tahun.

"Kalau orang Jepun datang ke negara kita, tak habis-habis mereka mengambil gambar sawah padi dan ladang pisang. Kita pula langsung tidak ambil peduli," jelasnya kesal.

Setelah berjaya mewartakan tanah FRIM, misi terbaru Abd. Latif ialah untuk mendapatkan gelaran tapak Warisan Dunia yang meletakkan lokasi tersebut di peta dunia.

Apakah yang akan dilakukannya se baik sahaja beliau bersara? "Saya hiddup untuk semalam, hari ini dan esok. Dalam tempoh itu, saya akan terus memperjuangkan hak-hak alam sekitar bersama badan bukan kerajaan dan melakukan kerja-kerja beribadah," jawabnya.

"Pendek kata, FRIM sentiasa menjadi keluarga saya."

FRIM juga bertindak sebagai 'pelindung' kepada hampir 100 jenis pokok yang berdepan dengan pelbagai ancaman – ABD. LATIF

info:

- Tahukah anda bahawa tanah seluas 486 hektar di Kepong merupakan hutan hujan tropika buatan manusia yang terbesar di dunia?
- Kawasan berpasir putih di situ suatu ketika dahulu ialah bekas tapak lombong.